



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

18 Dis 2020 (Jumaat)

Berita Harian

Kebangkitan digitalisasi dalam industri air 1

Utusan Malaysia

ILTIZAM Ekuinas bantu komuniti 2

Maksimumkan rebat cukai dengan zakat 3

Harian Metro

50 petugas HTAR dijangkiti Covid-19 4

Sinar Harian

LZS laksana kempen MY2.5 galak masyarakat layak tunai kewajipan bayar zakat 5

Petugas barisan hadapan terima baucar pelancongan 6

Astro Awani

Apa Maksud Anjakan Politik Baharu Untuk PH? 7

Siapa Lagi Selain Anwar? 8

Era FM

Baucar Pelancongan Kepada Barisan Hadapan 9

Selangor TV

3,000 Petugas Barisan Hadapan Berpeluang Nikmati Baucar Pelancongan 10

43 Penganjur Industri Sertai Program Baucar Kempen Pelancongan Selangor 11

Baucar Pelancongan RM200 Sasar 10,000 Pengguna 12

Guru KAFA Selangor Beruntung, Banyak Manfaat 13

Juliana Evans Duta Kempen 'Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu!' 14

Kempen 'Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu!' Dilancarkan 15

Selangor Perkasa Industri Halal Ke Peringkat Global 16

The Star

Book Drive 17

Safety and hygiene at risk 18

New Straits Times

Publisher freed from charged over controversial book 19

The Edge CEO Morning Brief

Tenders RM4 bil Rasau water treatment plant to be called next year 20

The Malaysian Reserve

Selangor launches tourism campaign 21

China Press

All schools of origin are treated equally 22

MB: With the cooperation of TNG and Lazada, Selangor has launched 7,000 travel vouchers for the public to take away. 23

Nanyang Siang Pau

For the convenience of public identification, Selangor simplifies the job title of exco 24



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Oriental Daily

Welcome to explore Selangor first	25
PKNS year-end 48 hours must buy promotion, Amazing discount up to 20%	26
Selangor Tourism launched "Explore Selangor first, local travel"	27

Malaysia Nanban

Selangor frontliners to get RM200 travel package vouchers	28
Dont lose hope on Anwar!	29



KERATAN AKHBAR		
18 December 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kebangkitan digitalisasi dalam industri air
Muka Surat	:	19

BH JUMAAT, 18 DISEMBER 2020

19

Kemajuan teknologi dan tren data memesatkan peningkatan kebolehpayaan sebuah organisasi untuk mencapai hasil yang lebih signifikan. Dengan memanfaatkan potensi teknologi digital, syarikat pengurusan perkhidmatan air mampu mempertingkatkan kecekapan, keuntungan dan daya ketahanan operasi loji rawatan air. Melalui pendigitalan operasi, sesebuah syarikat boleh mengumpul dan menggunakan maklumat masa nyata untuk dianalisis tepat pada masanya agar tindakan pencegahan dapat diambil sebelum timbul sebarang isu yang lebih kritikal.

Operator air terbesar Malaysia, Air Selangor yang mempunyai kapasiti untuk membekalkan 5,000 liter juta per hari (IJLH) air telah mula mendigitalkan operasinya dalam usaha untuk menjadi utiliti air digital masa hadapan. Anjakan digital ini merangkumi pelancaran pusat arahan pintar yang menjadi pusat kepada operasi syarikat tersebut, pusat analisis data bagi membina keupayaan data besar atau 'Big Data' pelaksanaan teknologi meter pintar, ke arah memberikan pengalaman khidmat pelanggan yang lebih baik.

“Operator air menghadapi cabaran dalam memberi perkhidmatan kepada pengguna, khususnya akibat kekerapan krisis air yang berlaku serta kerumitan sistem pengalihan yang perlu diurus. Terdapat keperluan untuk satu perubahan besar bagi menangani cabaran ini serta memenuhi keperluan pelanggan secara konsisten melalui pengurusan air yang cekap, dan adalah penting untuk melihat bagaimana penyelesaian digital dapat diintegrasikan dalam industri air yang luas dan berkembang dengan pesat.”

— Ir. Dr. Haji Mohamad Asari bin Daud,
 Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negeri (SPAN) dan Ahli Majlis Persatuan Air Malaysia

Automasi dan pendigitalan operasi

Pusat Kawalan Operasi (OCC) yang kini dalam peralihan ke Pusat Kawalan Pintar (ICC) membolehkan operasi digital Air Selangor menghubungkan dan mengintegrasikan parameter aset strategik utama yang merangkumi tekanan dan aliran air, tahap takungan, status pam, serta kebolehan kawalan pengawasan dan pemerolehan data (SCADA).

ICC akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2021. Salah satu ciri utama ICC adalah perintegrasian dengan 'Online Hydraulic Model'; sebuah sistem integrasi hujung-ke-hujung untuk memantau, menganalisis dan mencontohi sistem pengalihan pada masa nyata. Sistem ini adalah berdasarkan perintegrasian data



ICC Air Selangor juga menampilkan integrasi dengan Model Hidraulik Dalam Talian, sistem integrasi end-to-end untuk memantau, menganalisis, dan memodelkan sistem pengedaran dalam masa nyata.

hidraulik masa nyata dengan model simulasi komputer hidraulik dan alat ramalan statistik. Ini membolehkan Air Selangor untuk mempunyai kawalan pemantauan masa nyata ke atas aset yang beroperasi sepanjang masa bagi memastikan bekalan air terawat yang bersih dan selamat dapat dibekalkan kepada pelanggan dengan berterusan.

Ekosistem ICC semasa akan dipertingkatkan lagi dengan kemampuan replika maya, yang dikenali sebagai 'Digital Twin', yang membolehkan analisis data dan pemantauan sistem bagi menghindari sebarang masalah, mencegah masa henti dan merancang masa hadapan melalui kaedah simulasi.

'Big Data Analytics' sebagai 'Pengubah Permainan'

Sebelum ini, Air Selangor bergantung kepada proses manual untuk mengumpul dan menganalisis data operasi. Namun, cara ini tidak lagi sesuai apabila syarikat ini kini memperoleh jumlah data yang besar dan pelbagai pada kelajuan yang tinggi dengan adanya loji rawatan air dan teknologi yang baru serta bertambahnya bilangan pengguna. Bagi memanfaatkan pangkalan datanya dengan cekap, Air Selangor telah menubuhkan Pusat Analisis Data [Data Analytics Centre (DAC)] bagi membina kemampuan 'Big Data Analytics', atau analisis data besar keseluruhan perusahaan.

Air Selangor adalah operator air pertama di Malaysia yang mempunyai DAC bagi menyokong operasi perniagaannya. Pusat tersebut dilengkapi dengan kejuruteraan, pengurusan data dan pengkhususan digital. Dengan kewujudan DAC, Air Selangor mampu mempertingkatkan kecekapan prestasi dan operasi melalui Operations Business Intelligence (OBI) atau kecerdasan operasi perusahaan yang membolehkan titik buta dalam jurang operasi dikenal pasti. Melalui OBI, pihak pengurusan dapat meneliti

Kebangkitan digitalisasi dalam industri air

secara mendalam pemahaman dan infomasi terkini yang mempercepatkan proses membuat keputusan. Pelbagai analisis ramalan/pengoptimuman dan teknologi kecerdasan buatan memanfaatkan statistik dan pembelajaran mesin dalam platform awan (cloud) yang dapat diaplikasikan untuk menerokai peluang untuk mengawal kos, mengurus risiko, mempertingkatkan tahap perkhidmatan, mengurus pendapatan serta pelbagai inisiatif lain di masa hadapan.

Kini, kemampuan DAC sedang diperkenalkan secara berperingkat dan akan menjadi pusat kecemerlangan teras Air Selangor bagi semua usaha analisis datanya. Akhirnya, melalui DAC, Air Selangor akan menjadikan analisis data besar sebagai pengubah permainan baharu untuk mengemudi inisiatif Air Selangor Strategic Plans and Initiatives Realisation (ASPIRE).

Memperkasakan pengguna dengan meter pintar

Satu lagi penyelesaian digital yang memperkasakan operator air dan pengguna adalah meter air bijak yang memberikan maklumat masa nyata bagi mengurus penggunaan air dan pembacaan meter untuk tujuan pengalihan dengan lebih baik. Pada tahun 2019, Air Selangor telah melancarkan program rintis meter pintar Advanced Metering Infrastructure (AMI) di wilayah Sepang.

Meter Pintar menggunakan teknologi tanpa wayar pada frekuensi yang ditetapkan untuk menghantar data agar bacaan meter boleh dilakukan dari jarak jauh. Meter pintar ini mengurangkan keperluan untuk kerja



Air Selangor menggunakan digitalisasi dan menggunakan teknologi canggih untuk memberikan perkhidmatan terbaik dan melayani pelanggannya dengan lebih baik.

bacaan secara manual dan anggaran untuk tujuan pengalihan. Teknologi baharu ini membolehkan pengguna dimaklumkan apabila terdapat peningkatan drastik pada penggunaan air mereka, yang disebabkan oleh kadar penggunaan yang luar biasa atau kemungkinan terdapat kebocoran dalaman, serta apabila terdapat kerosakan terhadap meter air mereka. Tanda amaran ini membolehkan pengguna untuk mengambil langkah segera atau memaklumkan Air Selangor untuk mendapatkan penyelesaian. Teknologi ini juga membolehkan Air Selangor memperoleh dan mengkaji data penggunaan air oleh para pengguna.

Sejumlah 7,923 meter AMI telah dipasang dalam fasa pertama projek rintis program Meter Air Pintar AMI yang dilancarkan di wilayah Sepang dan dihubungkan melalui teknologi selular Narrowband - Internet of Things

(NB-IoT). Fasa kedua projek rintis ini akan dilancarkan pada Disember 2020. Air Selangor akan terus menerokai dan menilai teknologi baharu serta faedah kos sebelum melancarkan program ini secara menyeluruh.

Masa hadapan digital air

Cabaran seperti kemampuan, kekurangan, daya ketahanan operasi dan kualiti sudah pun memberi tekanan yang besar kepada operator air dan komuniti di kawasan perkhidmatan mereka. Namun, teknologi baharu, perkembangan analisis dan penyelesaian digital akan memberi kelebihan kepada industri air. Memanfaatkan potensi data masa nyata serta kebolehan analisis yang dibawa oleh digitalisasi membolehkan syarikat dalam industri air untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna.



KERATAN AKHBAR 18 December 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	ILTIZAM Ekuinas bantu komuniti
Muka Surat	:	7

ILTIZAM Ekuinas bantu komuniti

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**
 afiqsyahmi.shah@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Dalam menghadapi penularan pandemik Covid-19 yang telah 'menghentikan' seketika aktiviti ekonomi sekali gus membuatkan ramai orang terutama golongan tidak berkemampuan semakin tersepit, bantuan daripada pihak korporat sememangnya amat diperlukan.

Atas dasar tersebut, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) tampil membantu pelbagai lapisan masyarakat menerusi program tanggungjawab sosial korporatnya iaitu ILTIZAM.

Sebagai sebuah syarikat ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, Ekuinas menerapkan tiga teras utama di bawah ILTIZAM iaitu keusahawanan, pendidikan dan komuniti yang bertujuan memberi bantuan serta sokongan kepada bumiputera.

Menurut Pengarah Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Ekuinas, Hizwani Hassan, sejak mula ILTIZAM dilaksanakan pada 2016, syarikat tersebut mahu mencari cara untuk memberi semula kepada komuniti secara lebih berfokus.

Katanya, sebelum adanya ILTIZAM, Ekuinas telah pun melaksanakan pemberian bantuan tetapi dalam skala lebih kecil.

Beliau berkata, dalam memastikan kemakmuran dan kejayaan perniagaan Malaysia kekal untuk jangka masa panjang, komuniti sekeliling juga harus merasa perkara sama.

"Atas sebab itulah Ekuinas memberi keutamaan kepada komuniti sebagai satu daripada tiga teras utama dalam ILTIZAM dengan tujuan untuk memberi semula kepada masyarakat.

"Program Komuniti Lestari ILTIZAM juga membantu mereka daripada latar belakang kurang berkemampuan ke arah meningkatkan kualiti hidup mereka.

"Malah, peruntukan bagi teras ini juga telah ditingkatkan pada tahun hadapan memandangkan penularan pandemik Covid-19 yang melanda negara," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Ekuinas menetapkan empat kategori penting di bawah teras komuniti tahun ini merangkumi masyarakat terpinggir, pemeliharaan warisan, wakalah zakat dan juga perkara berkaitan barisan hadapan dalam memerangi Covid-19.

Hizwani berkata, kategori



HIZWANI Hassan bersama CEO Al-Ikhsan sewaktu majlis penyerahan sumbangan kasut Skechers untuk pekerja barisan hadapan Kementerian Kesihatan.

masyarakat terpinggir menitikberatkan soal bantuan kepada golongan kurang berkemampuan untuk menjalani kehidupan seharian serta meningkatkan kualiti taraf hidup secara mampan.

Beliau memberitahu, bantuan dari segi agihan makanan dan derma telah disalurkan terutama kepada golongan miskin bandar.

Menerusi kerjasama dengan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Ekuinas memberi tumpuan kepada kawasan bandar antaranya di Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan, Pulau Pinang dan Sabah.

"Sebelum ini, kami hanya mengadakan aktiviti sumbangan sebanyak dua kali setahun tetapi disebabkan penularan pandemik Covid-19, untuk tahun ini sebanyak 24 aktiviti agihan makanan telah dan akan dilaksanakan sehingga penghujung tahun.

"Kita memberi tumpuan kepada masyarakat miskin bandar yang terkesan dengan tahun ini sahaja kira-kira 10,000 penerima telah mendapat manfaat daripada program ini.

"Oleh itu, kami menyeru sekiranya ada mana-mana NGO yang mahu bekerjasama untuk tampil dalam usaha memastikan golongan kurang berkemampuan akan terbelak.

Ekuinas turut memberi sumbangan berupa empat ventilator, 20 alat pengesan suhu berkualiti tinggi dan pakaian perlindungan diri (PPE) kepada



PENGAGIHAN makanan kepada masyarakat miskin bandar dengan kerjasama salah satu rakan NGO ILTIZAM.

Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan Kementerian Kesihatan untuk diagihkan kepada setiap hospital kerajaan.

"Untuk kakitangan KKM barisan hadapan yang telah bertungkus-lumus mengendalikan Covid-19, kami juga telah menyumbangkan kepada mereka dengan 4,200 pasang kasut jenama Skechers menerusi Al-Ikhsan Sports. Ini supaya mereka dapat bertugas dengan penuh keselesaan," tambah beliau.

Pada awal tahun ini, ILTIZAM telah berjaya menjalankan program baharunya, *Back-to-Society*. Ia adalah satu program kerjasama dengan Jabatan Pertanian Negeri Melaka dan Jabatan Penjara Malaysia dalam membantu

bantuan yang hampir tamat tempoh hukumannya dengan mengusahakan projek menanam cili dan sawi. Ini bagi memberikan peluang untuk mereka menajana sedikit pendapatan disamping menimba pengalaman dan ilmu untuk hari mendatang.

Selain daripada itu, ILTIZAM juga menyediakan sumbangan barangan manfaat seperti kerusi roda, katil hospital, alat bantuan pendengaran kepada mereka yang memerlukan.

"Kami juga sedang menjalankan program tahunan kami, *Back-to-School*, yang akan memanfaatkan 3,813 pelajar sekolah kebangsaan meliputi 52 sekolah di Malaysia," tambah Hizwani.

Setiap pelajar menerima satu kelengkapan sekolah, iaitu, satu pasang baju dan seluar sekolah serta sepasang kasut dan stoking.

Bagi kategori pemeliharaan warisan pula, Hizwani berkata, Ekuinas akan memberi tumpuan kepada pemeliharaan senibina warisan, iaitu satu bidang yang agak *niche* berbanding persembahan pentas atau pun kesenian seperti yang dilakukan sebelum ini. Program-program yang telah dijayakan sebelum ini termasuklah teater bergawangan, teater musikal dan pemeliharaan dan pembuatan rebana ubi melalui rakan NGO PUSAKA.

"Tahun ini, kami membuat keputusan menyalurkan RM50,000 kepada Badan Warisan Malaysia untuk memulihara Rumah Penghulu Abu Seman yang menyimpan banyak sejarah kesenian Melayu.

"Kami juga akan membantu dari segi pemasaran dan aktiviti promosi bagi memupuk minat masyarakat dalam seni bina Melayu, dan secara tidak langsung dapat membantu kelestarian pemeliharaan rumah Abu Seman," jelas beliau.

Kategori ketiga melibatkan Skim Wakalah iaitu dasar pengembalian wang zakat kepada syarikat yang membayar zakat untuk diagihkan kepada asnaf turut dilaksanakan syarikat ekuiti persendirian itu.

Hizwani berkata, Ekuinas membayar zakat perniagaan setiap tahun kepada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) walaupun merupakan sebuah syarikat yang dikesualkan cukai.

Jelas Hizwani, hasil zakat yang dikembalikan akan memberi peluang untuk ILTIZAM membantu asnaf yang memerlukan tetapi tidak tergolong dalam mandat ILTIZAM.

"Kami menerima semula RM812,000 daripada PPZ MAIWP dengan separuh daripadanya telah diagihkannya kepada 1,935 pelajar Cosmopoint College dan Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) yang berada dalam kategori asnaf.

"Manakala untuk hasil pulangan zakat LZS sebanyak RM637,500 pula akan diagihkan untuk membantu usahawan baharu mula dan kecil di bawah program Transformasi Usahawan Asnaf (TUAS) dan bantuan kecemasan seperti bencana alam, khairat kematian dan tabung masjid/suru," menurutnya.



KERATAN AKHBAR		
18 December 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Maksimumkan rebat cukai dengan zakat
Muka Surat	:	21

Oleh **HAMIZUL ABDUL HAMID**
 gayautusan@mecliamulia.com.my

SELALUNYA apabila bulan Disember seperti sekarang, majoriti mereka yang makan gaji dan dikenakan cukai pendapatan mula memikirkan bab rebat ke atas cukai pendapatan mereka. Sebabnya, makin besar pendapatan, makin besarlah cukai pendapatan yang wajib dibayar.

Antara soalan yang sering ditanya ialah bolehkah seseorang itu mendapatkan 100 peratus rebat atas cukai pendapatannya? Jika boleh, bilakah seseorang itu boleh mendapat penolakan 100 peratus itu? Adakah penolakan itu dikira setahun daripada tempoh pengiraan cukai wajib bayar? Juga soalan lebih panas, bolehkah jika seseorang itu hanya bayar zakat sahaja dan tidak mahu membayar cukai pendapatan?

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, rebat bermaksud potongan daripada sejumlah bayaran yang kena dibayar atau pemulangan sebahagian daripada amanah yang telah dibuat sebagai bayaran, (rujuk <https://prpm.dbp.gov.my/>). Artinya, dalam konteks zakat dan cukai pendapatan, ada dua situasi:

a) Mereka yang membuat pelarasan antara Potongan Cukai Berjadual (PCB) dengan potongan zakat bulanan akan terus mendapat rebat dalam bentuk potongan bayaran bulanan.

b) Mereka yang membuat bayaran zakat lebih besar berbanding cukai pendapatan, kelak semasa taksiran cukai pendapatan (melalui Borang BE) boleh mendapatkan pemulangan sebahagian amanah cukai pendapatan yang sudah terlebih bayar itu.

Di Malaysia, umat Islam beruntung kerana Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), Perkara 6A (3) menyatakan dengan jelas kedudukan rebat ini, iaitu: "Rebat hendaklah diberikan pada tahun-tahun taksiran untuk sebarang bayaran zakat fitrah atau lain-lain tuntutan agama Islam yang mana pembayarannya wajib dan yang telah dibayar dalam tahun asas bagi tahun taksiran itu dan dibuktikan oleh resit yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama yang berkenaan yang ditubuhkan mengikut



UMAT Islam di negara ini layak mendapat rebat cukai pendapatan melalui bayaran zakat.

Maksimumkan rebat cukai dengan zakat

undang-undang bertulis."

Jika diteliti, di dalam petikan di atas, dinyatakan dengan jelas bahawa:

- Rebat hendaklah diberi kepada umat Islam yang membayar zakat atau disebut 'sebarang pembayaran wajib di sisi agama Islam.'
- Zakat dibayar dalam tahun taksiran semasa sahaja diambil kira untuk rebat cukai.
- Pembayaran zakat mesti mempunyai bukti pembayaran (resit) yang sah.
- Zakat mesti dibayar kepada pihak yang berautoriti

iaitu Majlis Agama Islam Negeri (yang kemudiannya diturunkan kepada institusi zakat negeri-negeri).

Sementara itu, untuk mendapatkan rebat 100 peratus ke atas cukai pendapatan, kita perlu pastikan jumlah zakat yang dibayar pada tahun semasa itu melebihi atau menyamai jumlah cukai pendapatan yang dikenakan.

Walau bagaimanapun, hal ini pastilah sulit dilakukan. Ini kerana, kadar cukai pendapatan adalah berbeza dengan kadar zakat. Umumnya kadar cukai pendapatan adalah 1%

hingga 30% mengikut jumlah pendapatan kita (rujuk <http://www.hasil.gov.my/>).

Umumnya kadar zakat harta pula adalah 2.5% sahaja dan ia adalah kadar tetap. Hanya ada beberapa jenis harta zakat sahaja kadarnya berbeza, iaitu zakat pertanian (5% atau 10%) dan zakat galian harta karun (20%).

Maka, selalunya orang akan membayar zakat dengan maksimum untuk mendapatkan rebat yang maksimum juga. Apa yang dimaksudkan dengan maksimum itu adalah selaras dengan apa yang dinyatakan di dalam ACP 1967 6A (3)

di atas, iaitu semua jenis pembayaran zakat yang wajib di sisi Islam termasuklah zakat fitrah, semuanya berhak mendapat rebat atas cukai pendapatan pada tahun taksiran semasa, dengan syarat dibayar pada tahun semasa itu juga.

Ertinya, jika kita membayar apa sahaja zakat pada tahun 2020, tidak terbatas hanya zakat pendapatan.

Jadi adalah salah tanggapan sesetengah pihak bahawa hanya zakat pendapatan yang layak mendapat rebat cukai pendapatan pada tahun semasa. Padahal ia terbuka bagi semua jenis zakat.

Namun begitu, sering terjadi walaupun sudah memaksimumkan bayaran zakat, cukai pendapatan masih lagi tinggi dan kita kena juga membayar cukai pendapatan. Ini sebenarnya berbalik kepada perkara asas, iaitu kadar cukai pendapatan yang sememangnya jauh lebih tinggi berbanding kadar zakat harta. Atas dasar itu, kita tetap wajib membayar cukai pendapatan.

Maka, selaku warganegara yang terikat dengan undang-undang, kita raikanlah kedua-duanya, iaitu zakat dan cukai pendapatan. Tunaikan zakat dengan maksimum dan kemudiannya dapatkan rebat yang diberikan oleh pihak kerajaan. Itu lebih selamat bagi kita.

LHDN memang berhak membuat semakan dengan meminta kita mengemukakan bukti-bukti pembayaran zakat apabila perlu. Maka, elakkan tindakan undang-undang dengan membuat tuntutan rebat di luar kewajaran atau lebih parah, bersifat pemalsuan fakta dengan mengisytiharkan bayaran zakat yang tidak dilakukan.

Amil peluang dengan memaksimumkan bayaran zakat, khususnya dengan menghitung kembali segala harta yang dimiliki, terutamanya harta pendapatan yang sering bertambah dari semasa ke semasa. Selepas itu, segera bayar zakat dalam tempoh sebelum 31 Disember.

Dengan itu, kita layak mendapat rebat yang disediakan. *Wallahua'lam.*

Ustaz Hamizul Abdul Hamid,
 Ketua Jabatan Sekretariat Dakwah,
 Lembaga Zakat Selangor (MAIS)
 dan boleh dihubungi di hamizul@zakatselangor.com.my.



KERATAN AKHBAR
18 December 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	50 petugas HTAR dijangkiti Covid-19
Muka Surat	:	4

PUNCA TIDAK DIKETAHUI

50 petugas HTAR dijangkiti Covid-19

Shah Alam: Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) mengesahkan jangkitan Covid-19 dalam kalangan pesakit dan petugas kesihatan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang.

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor Datuk Dr Sha'ari Ngadiman ketika dihubungi berkata, pada masa ini, seramai 50 petugas kesihatan yang dijangkiti Covid-19 dan sedang mendapatkan rawatan di Hospital Sungai Buloh.

"Siasatan oleh pasukan JKNS dan HTAR tidak dapat mengenal pasti punca jangkitan petugas kesihatan berkenaan sama ada berlaku sebelum pesakit dimasukkan ke dalam hospital ataupun semasa pesakit berada dalam tempoh inkubasi iaitu selama 14 hari namun keadaan terkawal.

"Semua kontak diambil



Siasatan oleh pasukan JKNS dan HTAR tidak dapat mengenal pasti punca jangkitan"

Dr Sha'ari Ngadiman

swab ujian dan diletakkan di bawah *Home Surveillance Order* (HSO), malah semua pesakit yang kontak kepada kes juga diambil swab ujian yang sama.

"Pengurusan rawatan pesakit di HTAR masih diteruskan dan berada dalam keadaan terkawal," katanya.

Dr Sha'ari berkata, pihak hospital sentiasa berwaspada dan memastikan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) dan pemakaian alat pelindung diri (PPE) sentiasa dipatuhi.



KERATAN AKHBAR 18 December 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	LZS laksana kempen MY2.5 galak masyarakat layak tunai kewajipan bayar zakat
Muka Surat	:	25

LZS laksana Kempen MY2.5 galak masyarakat layak tunai kewajipan bayar zakat

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) melaksanakan Kempen MY2.5 sepanjang Disember ini untuk menggalakkan seluruh masyarakat yang layak untuk menunaikan kewajipan membayar zakat.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Saipolyazan M Yusop berkata, kempen menggunakan slogan 'Sedikit bagi anda, Segalanya buat mereka' itu bertujuan menyemai semangat kekitaan dalam bersama-sama mendepani pandemik Covid-19.

Menurutnya, kempen itu turut menunjukkan keprihatinan masya-

rakat yang masih mampu untuk mengeluarkan zakat walaupun dilanda pandemik Covid-19.

"Terma MY yang digunakan dalam kempen ini merujuk kepada pengeluar zakat manakala 2.5 pula merupakan kadar yang ditetapkan untuk berzakat.

"Menerusi MY2.5, LZS dapat membantu asnaf di Selangor yang dijangka bertambah kepada 80,000 orang susulan penularan wabak Covid-19," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat LZS di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Saipolyazan berkata, pihaknya menasaskan kutipan berjumlah RM230 juta sehingga akhir Disember ini menerusi pelaksanaan kempen berkenaan.

Beliau berkata, LZS meletakkan sasaran tersebut berikutan jumlah penerima zakat yang dijangka bertambah pada akhir tahun ini dan memerlukan bantuan akibat Covid-19.

"Menerusi Kempen MY2.5, se-



**Sedikit bagi anda,
Segalanya buat mereka**

tidak-tidaknya golongan asnaf di Selangor akan dapat meneruskan kelangsungan hidup dan membangunkan diri serta keluarga terutamanya ketika negara masih berdepan pandemik Covid-19.

"Oleh itu, saya seru masyarakat yang layak berzakat agar dapat memanfaatkan tempoh yang ada ini untuk membuat pembayaran zakat menggunakan saluran pembayaran disediakan LZS," katanya.

Dalam pada itu, Saipolyazan berkata, LZS menyediakan beberapa kaedah pembayaran bagi memudahkan pembayar zakat sama ada menerusi pejabat cawangan, secara dalam talian, e-dompot, potongan gaji dan pelbagai platform lain.

Katanya, pengeluar zakat yang menunaikan zakat di LZS berpeluang menyertai peraduan Jom Bayar & Menang dan memenangi hadiah menarik yang disediakan sepanjang tempoh Kempen MY2.5 berlangsung.

"Maklumat terkini berhubung kempen ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa menerusi portal rasmi LZS di www.zakatselangor.com.my/my2point5 atau Facebook dan Instagram ZakatSelangor," katanya.

Saipolyazan pada sidang akhbar di Ibu Pejabat LZS, Shah Alam baru-baru ini.

FOTO: ROSUL TALIB



Menerusi kempen MY2.5, setidak-tidaknya asnaf di Selangor akan dapat meneruskan kelangsungan hidup dan membangunkan diri serta keluarga terutamanya ketika negara masih berdepan pandemik Covid-19."



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 18 December 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Petugas barisan hadapan terima baucar pelancongan
Muka Surat	:	25

Petugas barisan hadapan terima baucar pelancongan

SHAH ALAM - Seramai 3,000 petugas barisan hadapan bakal menerima pemberian baucar pelancongan menerusi Kempen ‘Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu!’ yang dilancarkan pada Khamis.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, langkah itu adalah sebagai tanda penghargaan di atas usaha pihak terlibat yang berkorban dalam memerangi Covid-19.

Menurutnya, pemilihan petugas bagi pemberian baucar berkenaan juga akan dilakukan oleh jabatan di agensi masing-masing selepas ini.

“Penggunaan baucar ini adalah dalam bentuk mata nilai dompet elektronik dan baucar elektronik RM200 seorang untuk penerima layak.

“Selain petugas barisan hadapan, 7,000 baucar lagi akan diberikan kepada orang ramai bagi pakej-pakej pelancongan terpilih yang akan melalui penyenaiaan di aplikasi dompet elektronik Touch n’ Go E-Wallet dan marketplace Lazada Malaysia melalui capaian khas pautan sesawang mikro Kempen ‘Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu!’,” katanya pada sidang media pelancaran kempen berkenaan yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada Khamis.

Pada majlis sama, pengacara dan pelakon berdarah kacukan, Che Puan Juliana Evans turut dilantik menjadi duta kempen berkenaan untuk tempoh dua tahun.



Amirudin (dua dari kiri) merakamkan gambar bersama Juliana serta beberapa tetamu kehormat lain pada sidang media pelancaran kempen berkenaan yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada Khamis.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
17 December 2020

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Apa Maksud Anjakan Politik Baharu Untuk PH?
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
17 December 2020

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Siapa Lagi Selain Anwar?
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
18 December 2020

Akhbar	:	Era FM
Tajuk Berita	:	Baucar Pelancongan Kepada Barisan Hadapan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
17 December 2020

Akhbar	:	Selangor TV
